

Uzma Berhad Raih Projek PSPJN

LANGKAWI, 20 MEI 2025 – Uzma Berhad ("Uzma" atau "Syarikat"), peneraju dalam sektor tenaga, teknologi dan angkasa, dengan sukacitanya mengumumkan bahawa ia telah menjadi pembida yang berjaya untuk Pembangunan Satelit Penderiaan Jauh Negara (PSPJN) Malaysia.

PSPJN, sebuah projek Kerjasama Awam-Swasta ("PPP"), ialah projek konsesi yang menjangkau 8 tahun, terdiri daripada proses pembangunan selama 3 tahun dan akan beroperasi selama 5 tahun di orbit rendah bumi. Ia merupakan komponen penting bagi Dasar Angkasa Negara Malaysia 2030 ("MSE2030"), bertujuan untuk memajukan infrastruktur angkasa lepas negara dan meningkatkan keupayaan dalam memperoleh data penting bagi sektor utama negara termasuk sektor pertanian, pengurusan bencana, pemantauan alam sekitar dan keselamatan negara.

Dato' Kamarul Redzuan Muhamed, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Uzma Berhad, berkata, "Projek PSPJN menandakan satu lonjakan yang ketara dalam perjalanan kami untuk menyumbang secara bermakna kepada matlamat industri angkasa lepas Malaysia di bawah rangka kerja MSE2030 dan SISP2030. Membina di atas pencapaian masa lalu kami yang berjaya melancarkan UzmaSAT-1 pada bulan Januari 2025, kami terus memacu kemajuan dari segi teknologi dan inovasi. Melalui projek ini, ia akan membantu mengukuhkan lagi kedudukan Malaysia sebagai peneraju dalam teknologi angkasa lepas di Asia Tenggara."

Satelit PSPJN dijangka mampu mencerap pengimejan beresolusi tinggi dan pelbagai spektrum untuk menyokong keperluan negara dalam aplikasi strategik dan bernilai tinggi, merentasi sektor keselamatan, pemetaan, pengawasan, pertanian, tindak balas bencana dan pemantauan alam sekitar, dan lain-lain.

Anak syarikat Uzma, Geospatial AI Sdn Bhd ("GeoAI"), penyedia perkhidmatan penyelesaian analitik geospasial terkemuka, akan bertanggungjawab ke atas aspek teknikal dan operasi satelit. Dengan kepakaran yang luas dalam teknologi satelit, penderiaan jauh dan penyelesaian data geospasial, GeoAI berada pada kedudukan yang baik untuk memastikan kejayaan pembangunan, pelancaran dan penggunaan satelit, memenuhi piawaian kebangsaan tertinggi untuk kualiti, kebolehpercayaan dan prestasi.

Dato' Kamarul seterusnya berkata, "Ini tidak mungkin berlaku tanpa bimbingan dan sokongan yang tidak ternilai daripada agensi-agensi utama negara, terutamanya Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi ("MOSTI"), Agensi Angkasa Malaysia ("MYSA"), Kumpulan Industri-Kerajaan Bagi Teknologi Tinggi Malaysia ("MIGHT"), dan Unit Kerjasama Awam Swasta ("UKAS"). Kepercayaan mereka terhadap keupayaan Uzma telah memainkan peranan penting dalam usaha kami untuk turut menyumbang dalam memacu pertumbuhan industri

angkasa lepas negara. Seiring dengan perkembangan satelit, Uzma kekal komited untuk bekerjasama dengan agensi kerajaan, pihak berkepentingan tempatan dan rakan kongsi global untuk merealisasikan potensi penuh projek transformatif ini.”

Pada Januari 2025, Uzma juga berjaya melancarkan satelit Pemerhatian Bumi beresolusi tinggi komersialnya yang pertama, UzmaSAT-1, yang menyediakan perisikan geospatial termaju dan penyelesaian data untuk pelbagai aplikasi kritikal.

Untuk maklumat lanjut, sila lawati laman web Uzma di www.uzmagroup.com.

-Tamat-

About Uzma Berhad

Uzma is a leading Malaysian company in the energy and technology industry, with operations across Malaysia, Thailand, Indonesia, and the Philippines. Our track record in delivering exceptional customer service and high-quality solutions has solidified our presence in the region, especially in the area of well and production solutions in the energy sector.

Uzma is expanding into new markets and offers innovative services that go beyond the Malaysian borders and our traditional business. We have strategically repositioned our business, emphasising integrated solutions, asset/technology-based approaches, and diversification into new growth areas such as New Energy, Digital Earth, and Energy Trading business.

For more information on Uzma and our transformative solutions, visit us at www.uzmagroup.com.

For media inquiries, please contact:

Group Communications

+603 7611 4000

communications@uzmagroup.com

Al-mu Syahrisyawal bin Ahmad

+6019 530 3051

syahrisyawal@uzmagroup.com